# BULETIN
# MAJLIS DAERAH SELAMA




TAJUK UTAMA

**KARNIVAL SELAMANYA DI HATI**

**SELAMA RAFTING CHALLENGE 2023**

**MDS PEMENANG ANUGERAH INOVASI HIBRID TERBAIK PERTANDINGAN KIK HORIZON BAHARU SAMBUTAN HARI INOVASI NEGERI PERAK 2023**
















INFO PELANCONGAN



# PROGRAM PENGUKUHAN BERPASUKAN MAJLIS PERBANDARAN TAIPING DI SELAMA, PERAK

Sekalung penghargaan kepada kakitangan MAJLIS PERBANDARAN TAIPING yang terlibat kerana sudi membuat program di Selama pada 9-11 Julai yang lalu. Peserta telah dibawa untuk merasai sendiri adrenalina pengalaman ekopelancongan Selama, selama 3 hari 2 malam.
Semoga pengalaman yang diperoleh dapat memberi manfaat. Selamat Maju Jaya MPTaiping

# LAWATAN PENANDAARASAN MAJLIS DAERAH TANGKAK KE MAJLIS DAERAH SELAMA

Terima kasih warga MITI di atas kesudian melakukan program pembangunan akrab di Selama pada 26 Julai 2023 hingga 27 Julai 2023.

Semoga pengalaman yang diperoleh dapat memberi manfaat bersama. Jemput datang lagi ya!
Maaf andai ada kekurangan. Terima kasih!



INFO PELANCONGAN




# PROGRAM PEMBANGUNAN AKRAB BAGI WARGA MITI DAN AGENSI DI SELAMA, PERAK

Terima kasih warga MITI di atas kesudian melakukan program pembangunan akrab di Selama pada 26 Julai 2023 hingga 27 Julai 2023.

.

Semoga pengalaman yang diperoleh dapat memberi manfaat bersama. Jemput datang lagi ya!

Maaf andai ada kekurangan. Terima kasih!

# LAWATAN KERJA PENGARAH PEJABAT KEMENTERIAN PELANCONGAN SENI DAN BUDAYA (MOTAC) NEGERI PERAK




Tarikh : 26 Julai 2023

Tempat : Lata Tebing Tinggi, Kg Ulu Mengkuang, Selama

Sekalung penghargaan Terima Kasih buat Tn Muhammad Aminuddin bin Abdul Majid dan pasukan yang sudi mengunjungi Selama bagi meninjau potensi ekopelancongan dan persiapan daerah ini dalam menghadapi Tahun Melawat Perak 2024.

Taklimat telah disampaikan oleh En Nor Akmal bin Yang Ghazali, Yang Dipertua Majlis Daerah Selama.

## INFO PELANCONGAN




# SELAMA LOKASI IDEAL KURSUS PENGUKUHAN PASUKAN

SELAMA terus menjadi lokasi pilihan bagi penganjuran program oleh agensi-agensi. Kali ini Majlis Daerah Batu Gajah sudi ke sini dan memberi kepercayaan kepada Majlis Daerah Selama bersama RSP-MDS bagi menganjurkan Kursus Pengukuhan Pasukan bagi anggota mereka.

Hanya 2 hari (7 - 8 Ogos 2023), namun pelbagai pengisian memberikan memori berkesan.

Tuan Mohd Razif bin Ramli; Yang Dipertua MDBG dapat meluangkan masa bersama-sama dalam Majlis Makan Malam bagi menyantuni para peserta. Turut hadir : Tuan Nor Akmal bin Yang Ghazali, Yang Dipertua MDS.

Terima kasih atas sokongan.

Semoga program Tuan/Puan berjaya mencapai objektifnya untuk kecemerlangan MDBG.






INFO PELANCONGAN

# MDS KETUAI DELEGASI NEGERI PERAK DALAM MISI PROMOSI TAHUN MELAWAT PERAK 2024 KE MEDAN, INDONESIA 4 OKTOBER2023

Lawatan rasmi delegasi Negeri Perak ini telah dimulakan dengan kunjungan hormat kepada Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia Medan dan Tourism Malaysia Medan. Delegasi dialu-alukan oleh Tuan Aiyub bin Omar; Konsulat, Pn Azizah bt Abdul Aziz; Konsul dan Tn Chan Hon Mun; Pengarah Tourism Malaysia Medan.

Delegasi Negeri Perak diketuai oleh Tuan Nor Akmal bin Yang Ghazali, AMP, Yang Dipertua Majlis Daerah Selama.

2. Selanjutnya, delegasi mengunjungi Pejabat Association of The Indonesian Tours and Travel Agencies (ASITA) dan disambut oleh Bapak Solahuddin Nasution, Ketua ASITA Sumatera Utara dan para pengurusnya. Di sini, setiap wakil delegasi telah diberikan kesempatan untuk melakukan pembentangan berkaitan promosi Tahun Melawat Perak 2024 beserta produk pelancongan yang berada di setiap kawasan PBT berkaitan.

3. Dalam ucapan aluan Ketua ASITA Sumatera Utara, mereka sangat menghargai lawatan promosi yang telah diadakan dan bersedia untuk menjalinkan kerjasama yang lebih erat dan berterusan selepas ini yang boleh memberikan kebaikan kepada kedua-dua belah pihak.

4. Fakta-fakta yang perlu diberikan perhatian dan diyakini boleh menyokong usaha ini adalah seperti berikut :

i. Sumatera Utara (Sumut) mempunyai populasi yang besar iaitu 15 juta orang penduduk

ii. 30% penduduk Sumut keluar melancong dan cenderung keluar negara ke Malaysia atas kos yang lebih murah

iii. 600k penduduk Sumut melakukan _medical tourism_ dan 40% daripadanya (240k orang) memilih Pulau Pinang disebabkan jarak penerbangan yang singkat daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Namu.

iv. Perak boleh dianggap destinasi strategik untuk dilawati mereka sama ada melalui Pulau Pinang (gerbang utara) atau KLIA (gerbang selatan) dengan tempoh perjalanan yang boleh dianggap singkat.

5. Pelbagai kerjasama strategik sebagai tindakan susulan telah dibincang dan dicadangkan semasa lawatan ini untuk kebaikan bersama. Adalah diyakini kerjasama strategik yang diinginkan boleh terjalin dengan komitmen kedua-dua pihak, sehingga data pelancongan yang signifikan boleh menyokong penerbangan terus Ipoh - Medan diaktifkan semula, seperti harapan Bapak Ketua ASTI seusai pembentangan.

6. Setinggi penghargaan kepada pentadbiran Keraj
Konsulat Jeneral serta Tourism Malaysia Medan se
ini, dan juga kepada semua agensi yang menyertai de

7. Semoga Tahun Melawat Perak 2024 bersemarak de

Sekalung Penghargaan Terima Kasih تريما كاسيه buat 

1. UPEN @ BKT SUK Perak
2. Tourism Perak
3. MD Selama
4. MP Taiping
5. MP Manjung
6. MP Kuala Kangsar
7. MD Batu Gajah
8. MD Kerian
9. MD Tanjung Malim


Dukungan Keluarga Sangat Membantu Penyembuhan Pasien

Polrestabes Ringkus TO Bandar Narkotika

Berkunjung ke Asita Sumut

Delegasi Negeri Perak Malaysia Jalin Kemitraan

INFO PELANCONGAN




# VAN PELANCONGAN MAJLIS DAERAH SELAMA DIRASMIKAN




AHV 4141.. bukan van baru.
Namun kami wrap semula dan beri nafas berbeda untuk lebih bersedia menghadapi Tahun Melawat Perak 2024.
Sekalung penghargaan TERIMA KASIH buat YB Sandrea Ng Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak yang sudi merasmikan Van Pelancongan Tourism Selama ini ketika Karnival SELAMAnya Di Hati pada 14 Oktober 2023 yang lalu.
Semoga ianya menjadi satu boost untuk kami bersama Rakan Strategik Pelancongan MDS (RSP-MDS) bagi terus memperkasakan ekopelancongan SELAMA.






INFO PELANCONGAN

# MDS PEMENANG ANUGERAH INOVASI HIBRID TERBAIK PERTANDINGAN KIK HORIZON BAHARU SAMBUTAN HARI INOVASI NEGERI PERAK 2023

Pengiktirafan Inovasi ketiga kepada Projek Rakan Strategik Pelancongan Majlis Daerah Selama (RSP-MDS)
Alhamdulillah
Pasukan Tourism Selama mewakili MDS telah berjaya meraih Anugerah Inovasi Hibrid Terbaik dalam Pertandingan Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) bersempena Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Perak 2023 yang telah berlangsung di Dewan Bankuet, Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak .
Pengiktirafan ini memberikan dorongan dan semangat kepada MDS untuk terus berkolaborasi dan berjuang bersama RSP-MDS dalam memperkasakan ekopelancongan sebagai wadah untuk terus memperkenalkan daerah kecil yang istimewa bernama SELAMA.
Sambutan gilang - gemilang dengan tema "Semarak Inovasi, Menggarap Infiniti" itu telah dirasmikan Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Saarani Mohamad dan dihadiri seluruh barisan kepimpinan kerajaan.



# PROGRAM LOCAL AGENDA 21 (LA 21)

## PROGRAM TEDUHAN SENTIOSA

## 08 JULAI 2024

Program ini bertujuan mengindahkan laluan utama atau laluan protokol dan lanskap Selama. Ini bagi menjadikan laluan utama tersebut lebih ceria dan menarik serta menjadi tarikan pengunjung yang melalui laluan tersebut.

Aktiviti yang diadakan adalah pembersihan kawasan Taman Sentosa, penanaman pokok sepanjang jalan utama Taman Sentosa dan lukisan mural di rumah sampah. Program ini disertai oleh barisan Ahli Majlis MDS, anggota PDRM IPD Selama, anggota JPAM, anggota BOMBA Selama, pelajar UniKL, pelajar Giatmara Selama, Gabungan Anak Seni Selama, KRT Pekan Selama, KRT Taman Merdeka dan KRT Taman Menteri.

Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Mohamad Yusri bin Hashim, Setiausaha Bahagian Kesejahteraan Komuniti KPKT Malaysia .

Pihak MDS mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua agensi,komuniti dan individu yang terlibat dalam menjayakan program ini.







# PROGRAM LOCAL AGENDA 21 (LA 21)

## PROGRAM KEBERSIHAN DAN PENGINDAHAN TAMAN CEMPASARI

## 08 JULAI 2024

Program Kebersihan dan Pengindahan Taman Cempasari di bawah Program Local Agenda 21 (LA21) telah diadakan bermula jam 7.30 pagi yang turut dihadiri oleh Tuan Mohamad Yusri bin Hashim, Setiausaha Bahagian Kesejahteraan Komuniti, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan turut disertai oleh Ahli Majlis MDS serta pelbagai pihak antaranya :



1. Agensi kerajaan : IPD Selama dan APM Selama
2. KRT Pekan Selama & KRT Taman Menteri
3 Pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Haji Hussein
4. Syarikat Konsesi Puncak Emas Infra Sdn Bhd (PEISB)
5. Para penduduk

Antara pengisian aktiviti program ini adalah gotong-royong membersihkan kawasan, mengecat peralatan, pertandingan mencari harta karun dan pemasangan papan tanda bagi mengatasi masalah vandalisme.



Pihak MDS mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada KPKT Malaysia di atas peruntukan dan kepada semua yang telah terlibat dalam menjayakan program ini. Semoga SELAMA akan kekal bersih dan indah dan memberikan imej yang baik terutamanya kepada pelancong yang mengunjungi daerah kecil Selama.





# MESYUARAT PENYELARASAN PERLADANGAN UNGGAS - USAHA BERTERUSAN MDS BAGI MENGATASI MASALAH LALAT DI SELAMA

1. Majlis Daerah Selama (MDS) terus komited dalam usaha untuk memastikan semua ladang ayam di Selama bertukar operasi secara perladangan tertutup (closed farming) bagi mengatasi masalah lalat yang menghantui penduduk Selama sejak sekian lama.
2. Satu mesyuarat penyelarasan selanjutnya telah berlangsung pada 10 Ogos 2023 yang lalu bersama semua pemilik ladang ayam di Selama bagi membincangkan prosedur Permohonan Kebenaran Merancang dalam proses pemutihan semua ladang yang terlibat. Alhamdulillah kerjasama antara penternak dengan agensi setakat ini adalah baik dengan komitmen berdasarkan garis masa yang ditetapkan untuk tujuan ini iaitu selesai menjelang penghujung tahun 2024.
3. Objektrif transisi kepada perladangan tertutup ini juga adalah bertepatan dengan kelulusan Rang Undang-Undang (RUU) Enakmen Perladangan Unggas (Pindaan) 2023 Negeri Perak pada 25 Mei 2023 yang menetapkan semua perladangan unggas di negeri Perak bertukar kepada perladangan tertutup selewatnya pada tahun 2026.
4. Usaha MDS ini bermula pada September 2022 dan Mesy. JK Perancang Negeri Perak pada 11 April 2023 telah membuat keputusan untuk meluluskan cadangan Pindaan RTD Selama 2030 bagi revolusi perladangan ayam di Selama dan disusuli dengan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri pada 12 Julai 2023 untuk diwartakan.
5. Sehingga itu, selain daripada memastikan bekalan sekuriti makanan adalah berterusan, amalan perladangan yang baik melalui good house keeping wajar terus diamalkan oleh semua pemilik ladang untuk mengelakkan masalah lalat dan akan terus dipantau oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah LMS. Difahamkan setakat ini, dua ladang masih kekal ditutup setelah dikompaun kerana gagal memastikan perladangan yang baik di Selama.








# PEMASANGAN PAPAN TANDA NAMA JALAN

Majlis Daerah Selama (MDS) telah memasang papan-papan tanda nama jalan di sekitar Selama bagi kemudahan orang ramai.

Pemasangan ini adalah sebagai respon kepada aduan bagi kekeliruan pada sesetengah lokasi dan untuk kemudaham sistem pos di Selama.












# PASUKAN KOIR MAJLIS DAERAH SELAMA SERTAI PERTANDINGAN KOIR PBT PERAK 2023




Alhamdulillah. TAHNIAH Team !
Dalam kesibukan, kita antara 10 PBT Perak yang bertanding dan saingannya, bukan calang-calang. Perjuangan Team Koir MDS telah dilunaskan dengan sebaiknya pada petang 26 Oktober 2023 yang lalu bertempat di Stadium Indera Mulia, Ipoh.
Komitmen anda semua sangat membanggakan.
Kita kecil, namun kita ADA.
Pengalaman yang diperoleh tentunya akan menjadi memori sepanjang perkhidmatan.
Terima Kasih tidak terhingga kepada ;
i. Kelab Kebajikan dan Sukan MDS atas pengurusan yang cukup baik,
ii. Pn Intan selaku pembimbing, dan ;
iii. Para penyokong yang membakar semangat.
Sekalung Tahniah kepada rakan-rakan PBT yang muncul sebagai pemenang pertandingan ini.









# PROGRAM **KEMAMPANAN KOMUNITI BANDAR (PKKB) :**
## **Karnival SELAMAnya Di Hati - Suatu Aspirasi**
## **14 Oktober 2023**















# PERKONGSIAN MDS DALAM SEMINAR PERINGKAT KEBANGSAAN (Seminar Pihak Berkuasa Tempatan - Pengukuhan dan Peningkatan Hasil PBT)




Tempat : Hotel Four Points by Sheraton Puchong Selangor

Anjuran : Persatuan Perancang Bandar Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (PETA)

Alhamdulillah الحمدلله

Daripada 9 pembentangan, Majlis Daerah Selama merupakan PBT tunggal bertaraf Majlis Daerah yang berkongsi 'Best Practice" dalam seminar yang telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk M.Noor Azman bin Talib, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan.

Tuan Nor Akmal bin Yang Ghazali, Yang Dipertua MDS telah dijemput sebagai panelis pada slot ketiga dan menyampaikan perkongsian yang bertajuk "Pemerkasaan PBT dan Masyarakat Melalui Comunity Based Tourism"



Seminar ini menjadi medium diskusi bagi menyebarkan 'Best Practices' PBT Malaysia dalam peningkatan hasil & produktiviti, memberikan pendedahan dalam menjana hasil melalui punca kuasa sediada, mengukuhkan sumber kewangan PBT melalui sistem penyampaian awam yang efisyen serta meningkatkan kompetensi dan kerjasama antara PBT dan bidang pengurusan teknikal.

Semoga perkongsian yang disampaikan dapat memberi manfaat. MDS dengan hormatnya menjemput mana-mana PBT atau agensi untuk mai ke SELAMA sekiranya ingin mendapatkan perkongsian lebih lanjut berkaitan pengalaman kami dalam menjadikan sektor pelancongan sebagai hasil pendapatan kepada PBT.






# Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 2/2023

SELAMAT DATANG

1. YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak

bersama

2. Datuk Bandar / Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan seluruh Negeri Perak Darul Ridzuan

3. Pegawai Bahagian Kerajaan Tempatan dan Pejabat Kewangan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak










# PROGRAM INFORMASI MDS@MASJID BAGI BULAN NOVEMBER 2023

Setiap bulan, Majlis Daerah Selama (MDS) menyasarkan sekurang-kurangnya sebuah masjid dilawati bagi Program Informasi MDS@Masjid. Selalunya, slot infomasi akan berlangsung sebelum khutbah solat Jumaat.

**3.11.2023 - Masjid Sg Seputih, Mukim Ulu Selama**

Tuan Nor Akmal bin Yang Ghazali, Yang Dipertua MDS telah berkongsi dengan jemaah berkaitan program Selama Rafting Challenge Peringkat Kebangsaan yang berlangsung pada 3-5.11.2023.

**17.11.2023 - Masjid Ar-Rashdiah, Mukim Selama**

Tuan Yang Dipertua berkongsi berkaitan :

1. Perkembangan aktiviti eko-pelancongan dan kaitannya dengan pembangunan SELAMA ;
2. Inisiatif sewaan MyKiosk@KPKT sebagai usaha menambahbaik dan menaiktaraf aktiviti penjaja ;
3. Usaha menaiktaraf Padang Selama sebagai pusat ekonomi dan rekreasi berwajah baru yang sedang berjalan; dan
4. Kerja membaiki jalan di hadapan Stesen Bas Selama

MDS mengucapkan sekalung penghargaan Terima Kasih kepada Jawatankuasa Masjid Ar-Rashdiah dan Masjid Sg Seputeh serta para jemaah yang memberikan kerjasama cukup baik dalam dua slot berkenaan. Semoga usaha ini dapat terus diistiqomah dalam memperkasakan lagi kerjasama yang jitu untuk kesejahteraan SELA













# 146 PREMIS PERNIAGAAN TELAH DIPASANG BEACON TAG MYPATIL

13 Disember 2023 - Sebanyak 146 premis perniagaan telah diperiksa semasa Sesi Pilot Pemasangan dan Sesi Pilot Rondaan bagi pemasangan Beacon Tag myPATIL bermula 13 Disember 2023 di Pusat Perniagaan Ixora. Pemasangan bagi fasa 1 ini dijangka akan berakhir pada 15 Disember 2023. Sesi tersebut telah melibatkan kakitangan Syarikat Gates IT Solution Sdn Bhd bersama anggota dari Unit Pelesenan, Unit Penguatkuasaan serta Unit Teknologi Maklumat, Majlis Daerah Selama (MDS). Sesi pemasangan peranti Beacon Tag akan berterusan sehingga Mac 2024 kepada semua premis perniagaan di kawasan operasi MDS.

myPATIL adalah lesen premis digital pertama di Malaysia yang berasaskan teknologi pintar Internet of Things (IoT) bagi menggantikan kaedah lesen konvensional dalam bentuk kertas dan papan lesen sedia ada di semua premis perniagaan berlesen. myPATIL merupakan inisiatif kerajaan negeri dalam pelan Perak Sejahtera 2030 serta salah satu fokus kerajaan negeri tahun 2023 dalam keterangkuman inisiatif dan infrastruktur digital.

Dengan pelaksanaan myPATIL, ianya mampu memberi impak yang positif dalam kalangan peniaga. Antaranya, memudahkan urusan memperbaharui lesen dan urusan perniagaan lain dengan hanya menggunakan aplikasi myPATIL di telefon pintar secara tidak langsung urusan pembaharuan lesen menjadi cepat dan mudah tanpa perlu ke kaunter Majlis. Di samping itu, usaha mewujudkan myPATIL adalah untuk membanteras isu pemalsuan lesen, duplikasi lesen serta aktiviti perniagaan tanpa lesen.












*Info & Maklumat Lanjut :*

Unit Pelancongan Majlis Daerah Selama, 34100 Selama, Perak.

05 839 4201 / 05 839 2021    011 1070 4960 (Selama Inn)

www.mdselama.gov.my    https://www.facebook.com/majlisdaerahselama

TOURISM MALAYSIA · KPKT · Tourism Perak · Selama Inn · 7 Lata Selama

Scan Me!